

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**
DARIPADA : **DATUK HALIMAH BINTI MOHAMED**
SADIQUE [KOTA TINGGI]
TARIKH : **18 JULAI 2019 (KHAMIS)**

SOALAN NO. 12

Datuk Halimah Binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk memainkan peranan yang lebih proaktif lagi dalam memberikan pendedahan awal kepada ibu bapa, guru, pendidik dan masyarakat tentang bagaimana mengelakkan daripada berlakunya kejadian jenayah seksual terhadap kanak-kanak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian kini mahu lebih meneroka kaedah yang lebih kreatif dan mempelbagaikan lagi usaha untuk menangani jenayah seksual terhadap kanak-kanak.

Kementerian baharu sahaja memperkenalkan Sistem Semakan Pesalah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak yang telah berkuat kuasa mulai April tahun ini. Sistem semakan secara percuma ini boleh dilakukan oleh ibu bapa, penjaga atau individu dan agensi yang akan mengambil kakitangan dalam sektor pekerjaan yang melibatkan kanak-kanak seterusnya dapat memberi pendedahan awal kepada mereka mengenai risiko kemungkinan berlakunya jenayah seksual terhadap kanak-kanak.

Kementerian juga telah melancarkan lima video berbentuk iklan yang akan dipaparkan apabila kanak-kanak (di bawah umur pra sekolah dua hingga empat tahun) mula melayari *YoutubeKids*. Setiap satu video tersebut yang berdurasi lebih kurang dua minit akan memberi kefahaman kepada kanak-kanak apakah sentuhan selamat (*safe touch*) dan sentuhan tidak selamat (*bad touch*) yang boleh membantu mereka mengelakkan diri dari menjadi mangsa. Video ini akan mendidik kanak-kanak untuk bertindak jika ada perbuatan yang berbentuk gangguan seksual terhadap mereka.

Selain itu, kajian Faktor Risiko dan Pelindung Terhadap Tingkah Laku Seksual Remaja oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) mendapati faktor risiko kepada tingkah laku seksual remaja adalah seperti berikut:

1. Remaja lebih berusia (19-24 tahun) dan di luar institusi pengajian lebih terdedah kepada tingkah laku seksual ;
2. Remaja yang tidak tinggal bersama keluarga dan mempunyai struktur keluarga tidak lengkap juga lebih berisiko terdedah kepada tingkah laku seksual;

SOALAN NO. 12

3. Remaja mengamalkan gaya hidup berisiko dan terlibat dalam penyalahgunaan dadah;
4. Remaja yang telah terlibat dalam salah laku seksual sebelum ini; dan
5. Remaja yang kurang berintegriti dan tidak berminat ke sekolah.

Modul Pendidikan Keselamatan Keluarga dan Anak (PEKA) merupakan satu usaha dan sokongan kepada Akta Kanak-Kanak (Pindaan) 2016, di mana kesedaran ibu bapa dan penjaga perlu ditingkatkan dalam menangani isu pengabaian, kecuaiian dan penderaan kanak-kanak. Pelaksanaan Program PEKA juga dilihat sebagai inisiatif dan strategi terancang dalam usaha memperkukuh institusi keluarga.

Perlaksanaan program PEKA melibatkan ibu bapa di peringkat komuniti bersama Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN), Persatuan Pengasuh Berdaftar Malaysia (PPBM) dan Perkumpulan Wanita (PEWANI). Modul PEKA yang telah dibangunkan pada tahun 2017 dan sehingga April 2019, sebanyak 286 program telah dilaksanakan dengan penglibatan peserta seramai 8,186 orang peserta. Pada tahun 2019, Modul PEKA akan diperluaskan sebanyak 100 program lagi kepada kumpulan sasaran.

Bersesuaian dengan Pelan Tindakan Perlindungan Kanak-Kanak Dalam Dunia Siber, LPPKN telah mempertingkatkan kerjasama dengan NGO yang mempunyai modul latihan berkaitan pornografi dan jenayah seksual terhadap kanak-kanak seperti Pertubuhan IKRAM Malaysia melalui modul *Malaysia Against Pornography* dan Persatuan WADAH Pencerdasan Umat Malaysia melalui modul Sekeluarga Tolak Pornografi (STOP).

Kementerian juga telah memanjangkan kerjasama ini melibatkan agensi Kerajaan seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta pelbagai NGO lain seperti *Cyber Security* dalam penganjuran Forum 'Keibubapaan Di Alam Siber' pada 3 November 2018 bersempena sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan. Melalui kerjasama ini, pendidikan berkaitan pencegahan bahan pornografi dan keselamatan kanak-kanak di alam siber disebarkan kepada umum

SOALAN NO. 12

melalui bengkel latihan modul kepada ibu bapa, guru, pendidik dan masyarakat melalui kerjasama dengan NGO tersebut.

Kementerian meneruskan usaha ini dengan penganjuran Forum '*Digital Parenting and Child Online Protection*' dengan kerjasama UNICEF pada 20 Jun 2019. Topik berkaitan keselamatan kanak-kanak di alam siber, jenayah seksual kanak-kanak akan terus dibincangkan dalam Forum Keibubapaan Kreatif Mendepani Cabaran Alaf Baru pada 13 Julai 2019 serta forum kekeluargaan yang akan diadakan LPPKN dan kerjasama NGO pada 2 November 2019 dan 16 November bersempena keluarga kebangsaan tahun 2019.

Modul *Sexual Reproductive Health for Boys* (SRH 4Boys) diperluaskan pada tahun 2019 kepada 180 peserta meliputi 5 sekolah sukan di seluruh negara sepanjang Julai 2019.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD
FAKEH [SABAK BERNAM]**
TARIKH : 18 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 13

Minta **Menteri Pendidikan** menyatakan apakah langkah Kementerian untuk memantapkan dan memperkasakan pendidikan teknikal dan vokasional (TVET) di negara ini khususnya bagi membolehkan sistem pengiktirafan bersepadu dilaksanakan dan melahirkan pelatih yang memenuhi keperluan industri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Penubuhan Jawatankuasa Kabinet Pemerkasaan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (JKKPTVET)

Mesyuarat Jemaah Menteri bertarih 8 Mei 2019 bersetuju agar diwujudkan Jawatankuasa Kabinet Pemerkasaan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (JKKPTVET) yang dipengerusikan oleh YB Menteri Pendidikan dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sebagai urus setia dan menyerap Jawatankuasa Pemerkasaan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (JKPTVET) sedia ada.

Jawatankuasa ini ditubuhkan untuk melihat semula isu pelaksanaan latihan TVET secara lebih menyeluruh merentas Kementerian di peringkat nasional, di samping mengetengahkan kerjasama lebih erat melalui kolaborasi akademia-industri demi memastikan graduan TVET

yang dihasilkan memenuhi keperluan industri. Pada masa ini KPM sedang menyediakan Memorandum Jemaah Menteri untuk kelulusan Penubuhan JKKPTVET dan Laporan Interim JKPTVET untuk dibentangkan kepada Jemaah Menteri.

Sistem Jaminan Kualiti Tunggal

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, buat julung-julung kalinya Jemaah Menteri pada 30 Januari 2019 telah meluluskan cadangan KPM untuk melaksanakan sistem jaminan kualiti tunggal dalam pendidikan TVET. Melalui cadangan ini, Malaysia akan mempunyai sistem jaminan kualiti tunggal pendidikan TVET yang akan diguna pakai oleh MQA dan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dalam mengakreditasi program TVET yang ditawarkan oleh institusi TVET awam dan swasta berdasarkan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF).

Selain itu, penawaran program berasaskan TVET melalui program Sarjana Muda Teknologi yang akan ditawarkan oleh MTUN bermula September 2019, bakal mengetengahkan pembelajaran melalui pengaplikasian kemahiran pekerjaan dalam memastikan graduan *future-proof* dapat dihasilkan, di samping memenuhi keperluan industri.

Lanjutan daripada itu, KPM melalui Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) sentiasa komited dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawab bagi memastikan kualiti program pengajian dicapai, dikekalkan dan dipertingkatkan, selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan bagi memenuhi keperluan MQF, kriteria standard akreditasi dan kurikulum program pengajian.

Kesan Positif Sistem Jaminan Kualiti Tunggal dan Hubungan Industri

Sistem baharu ini akan memandu institusi TVET ke arah satu standard yang sama secara lebih jelas dan bersasar.

Melalui pelaksanaan akreditasi TVET tunggal ini, ia akan membuka peluang pendidikan dan latihan lebih luas dan jelas, terutamanya kepada pelajar kurang kecenderungan akademik. Di samping akan meningkatkan

kemahiran pelajar melalui penglibatan aktif industri dan secara langsung dapat membuka laluan kerjaya lebih baik.

Misalnya pada 17 Julai 2019 (semalam), empat pemain industri utama negara, Berjaya Corporation Berhad, Tropicana Corporation Berhad, Naza Group dan Top Glove Corporation Berhad telah memeterai sijil kerjasama dengan KPM. Selain itu, KPM juga telah menjalin kerjasama dengan syarikat *oil and gas*, syarikat kewangan dan syarikat multi nasional seperti Maybank Berhad dan juga JCorp.

Terdapat juga beberapa negara berminat untuk menjalin kerjasama dengan KPM dalam bidang TVET seperti negara China dan Jerman melalui Malaysian-German Chamber of Commerce and Industry (MGCC). Bagi memastikan kerjasama KPM dengan industri berjalan dengan lancar, perbincangan lanjut dengan Kementerian Kewangan perlu dilaksanakan bagi membuat dasar baharu dalam memberi kemudahan insentif seperti pelepasan cukai kepada industri dalam dan luar negara.

KPM juga sedang bekerjasama dengan Federation of Malaysian Manufacturers (FMM), Malaysian Investment Development Authority (MIDA) dan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) untuk meningkatkan enrolmen pelajar TVET melalui program Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN). Seterusnya, KPM berkerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia untuk membantu pihak industri berdaftar sebagai pusat SLDN.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI MOHD. SALIM SHARIF [JEMPOL]

TARIKH : 18 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 14

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan langkah yang telah dilakukan bagi merealisasikan tanaman nanas sebagai tanaman selingan dalam usaha membantu meningkatkan pendapatan pekebun sawit dan getah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pihak Kementerian melalui Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) telah memperkenalkan **Projek Integrasi Tanaman Nanas** sebagai salah satu pendekatan untuk pembangunan kawasan tanaman nanas dan juga usaha memberi penambahan pendapatan kepada pengusaha tanaman komoditi seperti kelapa sawit dan getah.

2. Projek Integrasi Tanaman Nanas yang telah bermula pada tahun 2016 sehingga kini dan seluas 691 hektar kawasan telah dibangunkan dengan tanaman nanas secara integrasi atau selingan bersama tanaman sawit dan getah. Sejumlah 615 orang peserta telah menerima manfaat melalui program ini. Secara purata peserta yang menyertai projek ini akan menerima tambahan pendapatan sebanyak RM 4,500.00 – RM 5,000.00 sebulan bergantung kepada keluasan tanaman dan juga jenis varieti nanas yang ditanam.

3. Kemampuan LPNM membangunkan projek tanaman integrasi ini telah menjadi penanda aras bagi pelaksanaan program ini di bawah inisiatif pembaharuan FELDA seperti yang telah dibentangkan dalam pembentangan Kertas Putih FELDA di Dewan Rakyat pada 10 April 2019. Usaha ini akan diperluaskan lagi selaras dengan komitmen MOA dan MEA untuk menjadikan tanaman nanas sebagai salah satu inisiatif peningkatan pendapatan pekebun sawit dan getah di bawah kelolaan FELDA dan seterusnya FELCRA serta RISDA.

4. Kementerian akan terus bekerjasama dengan agensi-agensi berkaitan untuk memberikan nasihat teknikal untuk menggalakkan tanaman selingan nanas dengan kelapa sawit dan getah dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD. NASIR
[JOHOR BAHRU]**

TARIKH : 18.7.2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 15

minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL
PENGGUNA** menyatakan :-

- (a) jumlah penerima manfaat hasil daripada program Foodbank Malaysia; dan
- (b) usaha-usaha yang dijalankan bersama pihak industri bagi memastikan program ini terus berjalan sepanjang tahun.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Sehingga kini, seramai **204,279 ahli isi rumah** telah berjaya mendapat manfaat daripada Program Food Bank Malaysia ini. Secara tidak langsung, Program ini juga telah berjaya menyelamatkan sebanyak **1,496 metrik tan lebih makanan**.

Bagi Program Food Bank peringkat Universiti atau dikenali sebagai Program Food Bank Siswa pula, **sebanyak 3,820 pelajar telah mendapat manfaat** sejak ianya mula dijalankan pada Februari 2019. Ianya telah dilaksanakan di **11 buah Universiti Awam** iaitu di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Cheras, Universiti Malaya (UM), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Pulau Pinang, Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Kuala Lumpur, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Universiti Malaysia Sabah (UMS) Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

Kementerian melalui Yayasan Food Bank Malaysia sedang meluaskan Program Food Bank Siswa ke semua Universiti Awam. Sebagai penambahbaikan, satu jadual telah dirangka bagi merancang kelancaran pengagihan makanan yang disumbang ke semua universiti. Kerjasama bersama pihak pasaraya dan pengilang juga giat dijalankan bagi mendapatkan penglibatan lebih ramai penyumbang untuk terlibat di dalam Program Food Bank Siswa ini. Ini adalah bagi memastikan kesemua pelajar yang layak menerima akan mendapat manfaat daripada program ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAMZAH
[JASIN]**

TARIKH : 18 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO.16

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah bentuk penalti yang Kerajaan ingin dikenakan kepada TNB seperti yang dimaklumkan baru-baru ini berkaitan aduan pengguna mengenai kenaikan bil dan penggunaan meter pintar di Melaka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kejadian bil elektrik tinggi yang dialami oleh sebilangan pengguna-pengguna Tenaga Nasional Berhad (TNB) dalam tempoh 15 hingga 20 Mei 2019 adalah disebabkan oleh gangguan teknikal terhadap sistem pengebilan *Billing and Customer Relation Management* (BCRM) TNB dan bukannya disebabkan oleh penggunaan *smart meter*. Dalam tempoh tersebut, TNB tidak dapat mengeluarkan bil elektrik dan menyebabkan tempoh pengebilan pengguna adalah lebih panjang daripada biasa. Perkara ini memberi kesan kepada jumlah bil elektrik pengguna bagi bulan tersebut yang menjadi lebih tinggi berbanding jumlah bil elektrik dengan tempoh pengebilan biasa dengan corak penggunaan elektrik yang sama. Selain itu, terdapat juga kenaikan bil yang disebabkan oleh

NO. SOALAN: 16

kesilapan bacaan meter yang dibuat secara manual semasa tempoh gangguan sistem tersebut. Walau bagaimanapun, kesilapan ini telah diselaraskan oleh pihak TNB dan pengguna telah menerima bil dengan bacaan sebenar dan lebih bayaran telah dikreditkan semula ke dalam bil pengguna berkenaan.

2. Pihak Suruhanjaya Tenaga (ST) juga telah mengambil beberapa tindakan terhadap TNB seperti berikut :

- (i) mengeluarkan notis peringatan supaya TNB memberi perhatian serius dan mengambil tindakan penyelesaian segera berkaitan aduan bil elektrik yang tinggi serta melaporkannya kepada ST;
- (ii) menjalankan siasatan terhadap punca berlakunya peningkatan bil elektrik pengguna dengan mengadakan audit BCRM dan telah mengambil tindakan pemulihan sistem; dan
- (iii) menyediakan sebanyak 24 kertas siasatan yang telah pun dikemukakan kepada AGC untuk pertimbangan tindakan kompaun terhadap TNB.

3. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, aduan pengguna ke atas TNB sentiasa boleh dirujuk kepada pihak ST melalui laman web aduan.st.gov.my, emel eaduan@st.gov.my dan telefon 03-8870 8800.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN TEH KOK LIM [TAIPING]

TARIKH : 18 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 17

Tuan Teh Kok Lim [Taiping] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan rancangan pihak Kementerian dalam usaha untuk menurunkan kos melangani perkhidmatan ASTRO dan bila ia akan tercapai.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harga untuk perkhidmatan Astro tidak ditetapkan oleh Kementerian atau Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) tetapi ianya ditetapkan oleh pengendali perkhidmatan sendiri.
2. Walaubagaimanapun, Kementerian ini melalui SKMM memantau harga untuk perkhidmatan yang ditawarkan oleh pengendali perkhidmatan supaya ianya selaras dengan prinsip penetapan kadar di bawah seksyen 198 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 di mana harga-harga yang dikenakan kepada pengguna adalah adil dan berdasarkan kos.
3. Kerajaan sentiasa menggalakkan persaingan yang sihat dalam kalangan penyedia perkhidmatan kandungan. Perkembangan semasa dalam teknologi telah memberi pelbagai pilihan kepada pengguna.

Kemunculan penyedia perkhidmatan kandungan berkonsepkan 'over-the-top (OTT)' seperti Netflix, yang menawarkan tayangan menarik pada kadar yang lebih rendah juga menjadi cabaran dan memberi tekanan kepada keuntungan Astro. Netflix semakin menjadi pilihan pengguna kerana kandungan filemnya dari pelbagai negara. Selain Netflix, saingan popular lain adalah iFlix, Myfreeview dan HyppTV yang menyediakan kualiti perkhidmatan yang setara kepada pengguna walaupun ketika cuaca buruk.

4. Oleh itu, terpulang kepada Astro untuk membuat pertimbangan strategi perniagaan dalam menangani perubahan semasa teknologi dan persaingan dalam pasaran penyediaan perkhidmatan kandungan, antaranya termasuklah penetapan harga pakej langganan yang sedia ada.

5. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Astro menawarkan pelbagai pakej berdasarkan demografi dan kemampuan para pelanggan. Astro telah menawarkan pakej langganan dengan kadar yang lebih fleksibel yang terdiri daripada pakej mampu milik hingga pakej premium. Kini, para pelanggan boleh melanggan pakej ini dari serendah RM39.95 bagi Pek *Family* yang merangkumi 41 saluran untuk tontonan para pelanggan.

6. Dengan julat yang luas dan kepelbagaian di dalam pakej dan harga langganan, ia memberi peluang kepada pengguna untuk membuat penyesuaian dan pemilihan yang lebih baik dari segi kemampuan mereka untuk melanggan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [SIK]

TARIKH : 18 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 18

Minta **Menteri Pendidikan** menyatakan apakah KPM mempunyai perancangan untuk mengurangkan jurang hubungan kaum yang antaranya berpunca daripada kewujudan sekolah-sekolah vernakular di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa prihatin dalam aspek memupuk semangat perpaduan dan integrasi kaum dalam kalangan murid di sekolah. Kementerian menyedari bahawa untuk membentuk masyarakat yang bersatu padu, pendidikan menjadi titik mulanya. Bagi memastikan usaha perpaduan dan integrasi kaum berlaku dan mendapat impak yang optimum, KPM telah memfokuskan terhadap aktiviti atau program yang melibatkan murid, guru dan pihak pentadbir sekolah.

Berkaitan sekolah-sekolah vernakular, KPM memberi jaminan bahawa segala keputusan menyentuh dasar dibuat dengan pertimbangan profesional dan mengambil kira pelbagai aspek demi kepentingan pendidikan rakyat seluruhnya. Dasar-dasar terdahulu yang diyakini sudah mantap serta bersesuaian dengan situasi semasa akan diteruskan dengan sebaik mungkin, dan mungkin dilakukan penambahbaikan jika dirasakan perlu. Dalam proses penambahbaikan

ini, akan dipastikan bahawa perkiraan utama Kementerian ialah kepentingan murid dan generasi masa depan negara.

Pada masa yang sama, KPM pada era ini, seperti mana yang termaktub dalam manifesto Pakatan Harapan, mempunyai hala tuju yang jelas untuk memastikan sekolah kebangsaan menjadi sekolah pilihan utama rakyat. Matlamat ini hanya akan dapat dicapai dengan memberi tumpuan kepada peningkatan mutu dan kualiti pengajaran dan pembelajaran.

Bagi mengurangkan jurang hubungan antara kaum, KPM telah melaksanakan beberapa program dan strategi, antaranya:

1. Menggunakan Kurikulum Kebangsaan di semua sekolah dalam sistem pendidikan kebangsaan;
2. Menjadikan Bahasa Kebangsaan bahasa pengantar utama di semua institusi pendidikan;
3. Mewajibkan Bahasa Kebangsaan diajar di institusi yang bahasa pengantar utama bukan Bahasa Kebangsaan;
4. Memperkenalkan mata pelajaran Sejarah dari peringkat sekolah rendah lagi;
5. Menjadikan mata pelajaran Sejarah sebagai mata pelajaran teras di sekolah menengah dan mata pelajaran wajib lulus dalam Sijil Pelajaran Malaysia mulai 2014;
6. Memperkukuhkan pengajaran Bahasa Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil;
7. Mengadakan pengajaran Bahasa Etnik di sekolah jika didapati munasabah dan praktikal berbuat demikian serta mematuhi dasar pendidikan; dan
8. Memastikan setiap aktiviti kokurikulum mengikut komposisi kaum.

9. KPM telah mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bil. 9 Tahun 2018: Garis Panduan Pelaksanaan Amalan Harian Bagi Perpaduan Di Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia.

KPM juga telah menawarkan mata pelajaran Bahasa Cina dan Bahasa Tamil bagi menarik pelbagai kaum untuk bersekolah di Sekolah Kebangsaan. Selain itu, Program Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) dilaksanakan dan melibatkan pelaksanaan aktiviti secara bersama-sama di antara sekolah pelbagai aliran agar nilai integrasi dan semangat perpaduan kaum dapat dipupuk dalam kalangan murid sekolah.

Sekian, terima kasih.

RJM 125